

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang melaksanakan kenaikan gaji minimum RM 1,500 sebulan termasuk Sabah dan Sarawak.

PR-1353-T01195

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat selaras dengan hasrat negara menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah selesai membuat kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 dan Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Julai 2016. Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 akan dibuat pada tahun 2018 dan sebarang syor MPGN akan diputuskan oleh Kerajaan dengan teliti.

2. Syor yang dibuat oleh MPGN berasaskan faktor-faktor dan formula yang dipersetujui MPGN. Faktor-faktor utama dalam formula adalah:

- (a) Gaji Penengah *Median wage* adalah indikator keupayaan majikan/industri membayar gaji;
- (b) produktiviti buruh sebagai kriteria bagi menghargai produktiviti pekerja di mana gaji wajar ditingkatkan selaras dengan peningkatan produktiviti; dan

- (c) kadar pengangguran sebenar sebagai satu kawalan supaya peningkatan gaji tidak mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berhubung penyelarasan kadar gaji minimum antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, analisis teknikal semasa menunjukkan bahawa Malaysia masih ada perbezaan dari aspek struktur ekonomi di mana beberapa indikator- ekonomi penting seperti pertumbuhan produktiviti dan gaji penengah (*median wage*) di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan) adalah masih rendah berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Manakala berdasarkan statistik kadar pengangguran juga menunjukkan Semenanjung Malaysia adalah jauh lebih rendah berbanding Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Perincian perbezaan indikator-indikator ekonomi utama mengikut wilayah semasa proses Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 yang lalu adalah seperti berikut:

- (a) Gaji penengah (*median wage*) (yang menunjukkan kemampuan majikan membayar gaji) pada tahun 2013 bagi Semenanjung Malaysia adalah RM1,400 manakala

di Sabah/ Wilayah Persekutuan Labuan adalah paling rendah iaitu RM800 dan di Sarawak pula RM1,000;

- (b) Pertumbuhan produktiviti pada tahun 2013 bagi Semenanjung Malaysia adalah 1.4% tetapi di Sabah/ Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan kadar pertumbuhan produktiviti yang negatif iaitu -2.4% manakala bagi Sarawak adalah 3.4%; dan
- (c) Kadar pengangguran pada tahun 2013 bagi Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah iaitu 2.7% sahaja berbanding dengan Sabah/ Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 5.1% dan di Sarawak pula adalah 3.8%.

5. Kesimpulannya, Kerajaan sentiasa prihatin dengan kenaikan kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan memohon supaya Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) meneliti perkara ini dengan lebih lanjut dalam kajian semula Perintah Gaji Minimum akan datang. Buat masa sekarang, Kerajaan telah berjaya mengurangkan jurang perbezaan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM80 sebulan berbanding semasa pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012 iaitu perbezaannya adalah RM100 sebulan.